



SOALAN LAZIM SIMPAN SSPN PLUS

1. Apakah SSPN?

SSPN atau Skim Simpanan Pendidikan Nasional merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan penabungan untuk pendidikan tinggi. SSPN telah dilancarkan secara rasmi pada 6 Ogos 2004. SSPN terdiri daripada dua komponen produk simpanan iaitu Simpan SSPN Prime (dahulunya dikenali sebagai SSPN-i) dan Simpan SSPN Plus (dahulunya dikenali sebagai SSPN-i Plus).

2. Apakah Simpan SSPN Plus?

Simpan SSPN Plus merupakan produk terbaru PTPTN dengan kerjasama Hong Leong MISG Takaful (HLMT), Great Eastern Takaful Berhad (GETB) dan Takaful Ikhlas Family Berhad (TIFB) sebagai syarikat pengendali takaful (SPT) bagi produk ini.

3. Adakah pelan simpanan yang ditawarkan ini patuh syariah?

Ya. Pelan simpanan ini adalah patuh syariah yang menggunakan konsep *Wakalah Bil Istithmar* bagi simpanan SSPN iaitu di mana pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Manakala bagi skim takaful pula menggunakan konsep *Iltizam Bil Al Tabarru*. Produk ini telah mendapat pengesahan syariah oleh *Islamic Banking and Financial Institution of Malaysia* (IBFIM).

4. Apakah pakej yang ditawarkan melalui Simpan SSPN Plus?

Simpan SSPN Plus menawarkan enam (6) pakej pilihan dengan komitmen terendah sebanyak RM30 sebulan (RM20 simpanan dan RM10 takaful). Ringkasan pakej adalah seperti berikut :

PAKEJ	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN
Simpanan Bulanan Simpan SSPN Plus	RM20.00	RM40.00	RM90.00	RM180.00	RM270.00	RM200.00
Sumbangan Takaful	RM10.00	RM10.00	RM10.00	RM20.00	RM30.00	RM300.00
Jumlah Komitmen Bulanan	RM30.00	RM50.00	RM100.00	RM200.00	RM300.00	RM500.00

5. Apakah keistimewaan Simpan SSPN Plus?

Keistimewaan produk Simpan SSPN Plus adalah seperti berikut:

- i. Produk patuh syariah;
- ii. Pelepasan cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa (tahun taksiran) sehingga RM8,000 setahun (bersekali dengan produk Simpan SSPN Prime);
- iii. Pelepasan cukai ke atas sumbangan takaful bagi tahun semasa (tahun taksiran) sehingga RM3,000 setahun (bagi pekerja swasta atau penjawat awam yang memilih KWSP) atau RM7,000 setahun (bagi Penjawat Awam memilih Pencen Kerajaan);
- iv. Komitmen serendah RM 30.00 sebulan.
- v. Manfaat kematian dan ilat kekal (kemalangan) sehingga RM1,200,000 bergantung kepada pakej dan syarikat pengendali takaful (SPT);
- vi. Tiada pemeriksaan kesihatan.
- vii. Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- viii. Khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak (maksimum 5 orang anak sahaja tertakluk kepada syarikat pengendali takaful yang dipilih);
- ix. Manfaat sehingga 45 penyakit kritikal sehingga RM250,000.00 bergantung kepada pakej dan SPT yang dipilih
- x. Elaun kemasukan hospital sehingga RM250 sehari bergantung kepada pakej dan SPT yang dipilih
- xi. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN;
- xii. Perlindungan 24 jam di seluruh dunia.
- xiii. Simpanan dijamin Kerajaan

6. Apakah perbezaan Simpan SSPN Plus dengan Simpan SSPN Prime sedia ada?

Perbezaan antara produk Simpan SSPN Plus dengan Simpan SSPN Prime adalah seperti berikut :

PERKARA	SIMPAN SSPN PLUS	SIMPAN SSPN PRIME
Komitmen Minimum	Serendah RM30/ sebulan.	Tiada
Sumbangan Takaful	Serendah RM10 sebulan atau mengikut pakej yang dipilih.	* Percuma <i>Layak hanya kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas</i>
i. Manfaat Takaful <i>Mengikut pakej dan syarikat pengendali takaful yang dipilih.</i>	Manfaat kematian/ ilat kekal (kemalangan) sehingga RM1,200,000. Manfaat kematian/ ilat kekal (biasa) sehingga RM1,000,000.	Manfaat kematian/ ilat kekal (kemalangan) Ringgit ke Ringgit. Manfaat kematian/ ilat kekal (biasa) Ringgit ke Ringgit.
	Manfaat ilat kekal separa sehingga RM200,000	Tiada
	Manfaat sehingga 45 penyakit kritikal sehingga RM200,000	Tiada
	Elaun kemasukan hospital sehingga RM250 sehari.	Tiada
	Khairat kematian bagi : i. Pendeposit - sehingga RM25,000 ii. Pasangan - sehingga 12,500 dan iii. 5 anak - sehingga RM 5,000 seorang.	Khairat kematian bagi: i. Pendeposit - RM2,000, dan ii. Penerima manfaat - RM500
Pelepasan Taksiran Cukai Pendapatan	i. Sehingga RM8,000 setahun berdasarkan simpanan bersih Simpan SSPN Plus dan Simpan SSPN Prime tahun	i. Sehingga RM8,000 setahun berdasarkan simpanan bersih Simpan SSPN Plus dan Simpan SSPN Prime tahun

PERKARA	SIMPAN SSPN PLUS	SIMPAN SSPN PRIME
	semasa. ii. Menikmati tambahan pelepasan taksiran cukai iaitu sehingga RM7,000 setahun berdasarkan bayaran sumbangan takaful tahun semasa.	semasa. ii. Tiada
Geran Sepadan (Insentif kemasukan ke IPT)	Tiada	Sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak.
Syarat Pembukaan Akaun	Mana-mana warganegara Malaysia boleh membuka akaun untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Diri sendiri • Anak Kandung, dan • Anak Jagaan yang sah (Anak Angkat/ Anak Tiri) 	Mana-mana warganegara Malaysia boleh membuka akaun untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Diri sendiri • Anak Kandung • Anak Jagaan yang sah • Mana-mana warganegara Malaysia yang lain berumur tidak melebihi 29 tahun

7. Saya telah mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, adakah saya boleh membuka akaun Simpan SSPN Plus?

Boleh. Pendeposit yang telah mempunyai akaun Simpan SSPN Prime boleh membuka akaun Simpan SSPN Plus tanpa perlu menutup akaun Simpan SSPN Prime.

8. Adakah pendeposit yang mempunyai akaun SSPN-i Plus boleh membuka akaun Simpan SSPN Plus?

Boleh dengan syarat akaun yang dibuka melibatkan penerima manfaat berbeza yang tidak pernah mempunyai akaun SSPN-i Plus sebelum ini.

Bagi akaun SSPN-i Plus sedia ada, ianya akan dipindahkan secara automatik ke akaun Simpan SSPN Plus di bawah syarikat pengendali takaful asal iaitu HLMT.

9. Apakah manfaat takaful yang ditawarkan bagi setiap pakej?

Manfaat takaful bagi setiap pakej adalah berbeza mengikut syarikat pengendali takaful seperti berikut:

PAKEJ INTAN (RM30)			
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL		
	HLMT	GETB	TIFB
Kematian			
• Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000
Kemalangan			
• Kemalangan di Malaysia (RM)	60,000	50,000	48,000
• Kemalangan di Malaysia di dalam pengangkutan awam (RM)	60,000	50,000	48,000
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	60,000	75,000	48,000
Keilatan			
• Ilat kekal Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000
• Ilat kekal Kemalangan	60,000	50,000	48,000
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	10,000	25,000	-
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	10,000	-	-
Penyakit Kritikal			
• Amaun perlindungan (RM)	12,000	12,500	12,000
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36
Manfaat Pendapatan Hospital			
• Amaun perlindungan/ sehari (RM)	25	25	20
• Bilangan minggu	52	52	52
Khairat Kematian			
• Pendeposit (RM)	3,000	2,800	4,000
• Pasangan (RM)	3,000	2,800	4,000
• Anak			
-Amaun Perlindungan (RM)	1,500	1,200	2,000
-Bil. Anak yg dilindungi	3	5	3
Lain-lain Manfaat			
• Manfaat Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (RM)	-	-	100

PAKEJ DELIMA (RM50)			
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL		
	HLMT	GETB	TIFB
Kematian			
• Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000
Kemalangan			
• Kemalangan di Malaysia (RM)	60,000	50,000	48,000
• Kemalangan di Malaysia di dalam pengangkutan awam (RM)	60,000	50,000	48,000
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	60,000	75,000	48,000
Keilatan			
• Ilat kekal Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000
• Ilat kekal Kemalangan	60,000	50,000	48,000
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	10,000	25,000	-
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	10,000	-	-
Penyakit Kritikal			
• Amaun perlindungan (RM)	12,000	12,500	12,000
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36
Manfaat Pendapatan Hospital			
• Amaun perlindungan/ sehari (RM)	25	25	20
• Bilangan minggu	52	52	52
Khairat Kematian			
• Pendeposit (RM)	3,000	2,800	4,000
• Pasangan (RM)	3,000	2,800	4,000
• Anak			
-Amaun Perlindungan (RM)	1,500	1,200	2,000
-Bil. Anak yg dilindungi	3	5	3
Lain-lain Manfaat			
• Manfaat Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (RM)	-	-	100

PAKEJ TOPAS (RM100)				
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL			
	HLMT	GETB	TIFB	
Kematian				
• Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000	
Kemalangan				
• Kemalangan di Malaysia (RM)	60,000	50,000	48,000	
• Kemalangan di Malaysia di dalam pengangkutan awam (RM)	60,000	50,000	48,000	
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	60,000	75,000	48,000	
Keilatan				
• Ilat kekal Biasa (RM)	30,000	25,000	24,000	
• Ilat kekal Kemalangan	60,000	50,000	48,000	
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	10,000	25,000	-	
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	10,000	-	-	
Penyakit Kritikal				
• Amaun perlindungan (RM)	12,000	12,500	12,000	
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36	
Manfaat Pendapatan Hospital				
• Amaun perlindungan/sehari (RM)	25	25	20	
• Bilangan minggu	52	52	52	
Khairat Kematian				
• Pendeposit (RM)	3,000	2,800	4,000	
• Pasangan (RM)	3,000	2,800	4,000	
• Anak				
-Amaun perlindungan (RM)	1,500	1,200	2,000	
-Bil. Anak yg dilindungi	3	5	3	
Lain-lain Manfaat				
• Manfaat Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (RM)	-	-		100

PAKEJ ZAMRUD (RM200)			
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL		
	HLMT	GETB	TIFB
Kematian			
• Biasa (RM)	60,000	50,000	48,000
Kemalangan			
• Kemalangan di Malaysia (RM)	120,000	100,000	96,000
• Kemalangan di Malaysia di dalam pengangkutan awam (RM)	120,000	100,000	96,000
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	120,000	150,000	96,000
Keilatan			
• Ilat kekal Biasa (RM)	60,000	50,000	48,000
• Ilat kekal Kemalangan	120,000	100,000	96,000
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	20,000	50,000	-
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	20,000	-	-
Penyakit Kritikal			
• Amaun perlindungan (RM)	24,000	25,000	24,000
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36
Manfaat Pendapatan Hospital			
• Amaun perlindungan/ sehari (RM)	50	50	40
• Bilangan minggu	52	52	52
Khairat Kematian			
• Pendeposit (RM)	3,000	3,000	4,000
• Pasangan (RM)	3,000	3,000	4,000
• Anak			
-Amaun perlindungan (RM)	1,500	1,500	2,000
-Bil. anak yg dilindungi	3	5	3
Lain-lain Manfaat			
• Manfaat Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (RM)	-	-	200


PAKEJ NILAM (RM300)				
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL			
	HLMT	GETB	TIFB	
Kematian				
• Biasa (RM)	90,000	75,000	72,000	
Kemalangan				
• Kemalangan di Malaysia (RM)	180,000	150,000	144,000	
• Kemalangan di Malaysia di dlm pengangkutan awam (RM)	180,000	150,000	144,000	
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	180,000	225,000	144,000	
Keilatan				
• Ilat kekal Biasa (RM)	90,000	75,000	72,000	
• Ilat kekal Kemalangan	180,000	150,000	144,000	
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	30,000	75,000	-	
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	30,000	-	-	
Penyakit Kritikal				
• Amaun perlindungan (RM)	36,000	37,500	36,000	
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36	
Manfaat Pendapatan Hospital				
• Amaun perlindungan/ sehari (RM)	75	70	60	
• Bilangan minggu	52	52	52	
Khairat Kematian				
• Pendeposit (RM)	3,000	3,000	4,000	
• Pasangan (RM)	3,000	3,000	4,000	
• Anak				
-Amaun Perlindungan (RM)	1,500	1,500	2,000	
-Bil. Anak yg dilindungi	3	5	3	
Lain-lain Manfaat				
• Manfaat Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (RM)	-	-		300

PAKEJ NILAM (RM300)				
PERKARA	MANFAAT TAKAFUL			
	HLMT	GETB	TIFB	
Kematian				
• Biasa (RM)	600,000	1,000,000	500,000	
Kemalangan				
• Kemalangan di Malaysia (RM)	1,200,000	1,000,000	1,000,000	
• Kemalangan di Malaysia di dlm pengangkutan awam (RM)	1,200,000	1,000,000	1,000,000	
• Kemalangan di luar Malaysia (RM)	1,200,000	1,000,000	1,000,000	
Keilatan				
• Ilat kekal Biasa (RM)	600,000	1,000,000	500,000	
• Ilat kekal Kemalangan	1,200,000	1,000,000	1,000,000	
• Ilat Separa Kekal Kemalangan (RM)	100,000	200,000	200,000	
• Ilat Separa Kekal Biasa (RM)	100,000	200,000	200,000	
Penyakit Kritikal				
• Amaun perlindungan (RM)	120,000	200,000	200,000	
• Jumlah penyakit dilindungi	36	45	36	
Manfaat Pendapatan Hospital				
• Amaun perlindungan/ sehari (RM)	250	250	200	
• Bilangan minggu	52	52	52	
Khairat Kematian				
• Pendeposit (RM)	20,000	25,000	25,000	
• Pasangan (RM)	10,000	12,500	12,500	
• Anak				
-Amaun Perlindungan (RM)	3,000	5,000	5,000	
-Bil. Anak yg dilindungi	3	5	3	
Lain-lain Manfaat				
• Penyakit Terminal (RM)	100,000	200,000	-	
• Manfaat rawatan pesakit luar akibat kemalangan	-	-	3,000	
• Manfaat penghantaran balik jenazah (RM)	-	10,000	-	

10. Siapakah yang layak membuka akaun Simpan SSPN Plus?


Syarat bagi **Pendeposit** :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mencapai umur 18 tahun sehingga sehari sebelum mencapai umur 69 tahun (mengikut syarikat pengendali takaful yang dipilih); dan
- iii. Boleh membuka akaun untuk diri sendiri (sebagai penerima manfaat) tetapi tidak boleh mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan.



Syarat bagi **Penerima Manfaat** :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Hubungan dengan pendeposit hendaklah sama ada anak kandung/ anak tiri/ anak angkat; dan
- iii. Berumur 1 hari sehingga sehari sebelum mencapai umur 29 tahun (untuk layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan).



11. Apakah had umur pembukaan akaun Simpan SSPN Plus mengikut syarikat pengendali takaful?

Had umur pembukaan akaun Simpan SSPN Plus mengikut syarikat pengendali takaful (SPT) adalah berikut :

SPT	HAD UMUR MAKSIMUM PENDEPOSIT BAGI PEMBUKAAN AKAUN
HLMT TIFB	Sehingga sehari sebelum mencapai 65 tahun
GETB	Sehingga sehari sebelum mencapai 69 tahun

12. Adakah pelanggan perlu membuat pemeriksaan kesihatan ataupun mendapatkan laporan perubatan untuk membuka akaun Simpan SSPN Plus?

Tiada sebarang pemeriksaan kesihatan atau laporan perubatan diperlukan untuk membuka akaun. Namun begitu bagi pembukaan akaun Paket Berlian, bakal pendeposit perlu menjawab tiga (3) soalan kesihatan yang terdapat pada borang pembukaan akaun. Jika terdapat jawapan **YA** bagi salah satu soalan, bakal pendeposit **TIDAK LAYAK** menyertai Paket Berlian dan dinasihatkan untuk menyertai paket yang lain yang ditawarkan.

13. Berapakah bilangan akaun bagi pakej Belian yang boleh dibuka?

Bilangan akaun bagi pakej Berlian yang boleh dibuka adalah berbeza mengikut syarikat pengendali takaful seperti berikut :

SPT	HAD BILANGAN AKAUN PAKEJ BERLIAN
HLMT	Dua (2)
GETB TIFB	Satu (1)

14. Apakah had umur perlindungan untuk pendeposit Simpan SSPN Plus?

Had umur perlindungan untuk pendeposit Simpan SSPN Plus adalah berbeza mengikut syarikat pengendali takaful (SPT) seperti berikut :

SPT	HAD UMUR PERLINDUNGAN
HLMT TIFB	Sehingga sehari sebelum mencapai 66 tahun
GETB	Sehingga sehari sebelum mencapai 70 tahun

Contoh had umur perlindungan bagi GETB:



15. Apakah saluran yang disediakan untuk bayaran komitmen bulanan?

Pendeposit adalah dikehendaki membuat bayaran secara **potongan gaji/ direct debit** atau **auto debit** bagi memastikan bayaran dapat dibuat secara konsisten sekali gus mengelakkan tunggakan yang akan memberi kesan kepada akaun pendeposit.

Berikut adalah saluran/kaedah yang disediakan:

SALURAN/KAEDAH	CAJ
Kaunter PTPTN • Secara tunai • Kad kredit • Kad debit • Kad ATM	Tiada
Potongan Gaji • Awam (JANM) • Swasta (Agensi)	Tiada
Direct Debit i. Klik di sini untuk Senarai Bank yang terlibat	Tiada
Auto Debit • Bank Islam (BIMB) • Maybank • RHB Bank • CIMB Bank • Bank Simpanan Nasional (BSN)	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada • Tiada • RM0.53 per transaksi • Tiada • RM1.00 untuk pendaftaran (sekali sahaja). RM0.53 per transaksi

Perbankan Internet	Tiada
<ul style="list-style-type: none"> • Maybank2u • CIMB Clicks <p>JomPay</p> <ul style="list-style-type: none"> • Klik di sini untuk 40 bank terlibat. 	Tiada
SSPN-i Plus online	Tiada
<ul style="list-style-type: none"> • www.lovesspn.com • Rakan Niaga Affiliate (RNA) • Ejen Pemasaran Online (EPO) 	

16. Adakah bahagian simpanan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa?

Bahagian simpanan hanya boleh dikeluarkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh pembukaan akaun. Selepas tempoh tiga (3) tahun tersebut, pendeposit boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa dengan jumlah minimum simpanan yang perlu dikekalkan dalam akaun adalah sebanyak RM1,000 (tertakluk syarat-syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa).

17. Bagaimanakah kaedah pengeluaran?

Pendeposit boleh membuat pengeluaran melalui kaedah seperti berikut :

KAUNTER	PERMOHONAN ONLINE
Perlu mengisi: <ul style="list-style-type: none"> • Slip Pengeluaran akaun SIMPAN SSPN PLUS • Borang yang lengkap diisi perlu dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan 	Membuat permohonan pengeluaran deposit secara atas talian melalui portal rasmi PTPTN.

18. Apakah yang akan terjadi sekiranya pendeposit gagal membuat bayaran komitmen bulanan?

Pendeposit diberikan tempoh ihsan selama 60 hari untuk menyelesaikan tunggakan tersebut. Sekiranya tiada sebarang bayaran diterima selepas tempoh ihsan, akaun akan ditutup serta-merta.

19. Apakah yang akan berlaku sekiranya penerima manfaat meninggal dunia?

Sekiranya penerima manfaat meninggal dunia, akaun akan ditutup dan semua keistimewaan akan terbatal kecuali manfaat khairat kematian.

20. Adakah PTPTN akan memberikan apa-apa penentusahan keahlian setelah pembukaan akaun?

Tidak. Pendeposit tidak akan menerima apa-apa penentusahan keahlian daripada PTPTN. Walau bagaimanapun, pendeposit akan menerima Sijil Takaful (*Certificate Schedule*) yang dihantar oleh syarikat pengendali takaful secara e-mel dalam tempoh 30 hari (sebulan) daripada tarikh pembukaan akaun.

21. Apakah penyakit kritikal yang dilindungi takaful?

Penyakit kritikal yang dilindungi adalah bergantung pada syarikat pengendali takaful yang dipilih. Berikut adalah penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi oleh syarikat pengendali takaful:

BIL.	PENYAKIT KRITIKAL	SPT		
		GETB	HLMT	TISB
1	Alzheimer/ dementia teruk/ gangguan otak degeneratif organik tidak boleh pulih	/	/	/
2	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	/	/	/
3	Meningitis Bakteria	/	/	/
4	Tumor Otak Benigna – Keterukan tertentu	/	/	/
5	Buta – kekal dan tidak boleh pulih	/	/	/
6	Pembedahan otak	/	/	/
7	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	/	/	/
8	Kardiomiopati – keterukan tertentu	/	/	/

BIL.	PENYAKIT KRITIKAL	SPT		
		GETB	HLMT	TISB
9	Anemia Aplastik Kronik – Mengakibatkan Kegagalan kekal sumsum tulang	/	/	/
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan symptom klinikal yang berterusan	/	/	/
11	Pembedahan pintasan arteri koronari	/	/	/
12	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	/	/	/
13	Ensefalitis – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian	/	/	/
14	Kegagalan hati tahap akhir	/	/	/
15	Penyakit paru-paru tahap akhir	/	/	/
16	AIDS dengan gejala penuh	/		
17	Hepatitis Viral/Virus Fulminan	/	/	/
18	Serangan jantung – keterukan tertentu	/	/	/
19	Pembedahan Injap Jantung	/	/	/
20	Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah	/	/	/
21	Kegagalan buah pinggang – memerlukan dialysis atau transplan buah pinggang	/	/	/
22	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (berdikari)	/		
23	Hilang keupayaan bertutur	/	/	/
24	Trauma Kepala Major (Teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian	/	/	/
25	Transplan Organ Utama/ Sumsum tulang	/	/	/
26	Penyakit neuron motor – defisit neurologi kekal dengan symptom klinikal berterusan	/	/	/
27	Sklerosis Multipel	/	/	/
28	Distrofi otot	/	/	/
29	Kelumpuhan anggota	/	/	/
30	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian	/	/	/

BIL.	PENYAKIT KRITIKAL	SPT		
		GETB	HLMT	TISB
31	Hipertensi Arteri Pulmunori Primer – keterangan tertentu	/	/	/
32	Penyakit arteri koronari serius	/	/	/
33	Strok/ Angin Ahmar – mengakibatkan deficit neurologi kekal dengan symptom-simptom klinikal berterusan	/	/	/
34	Pembedahan Aorta	/	/	/
35	Lupus Eritematosus Sistematik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk	/	/	/
36	Kelecuran tahap ketiga – keterangan tertentu	/	/	/
37	Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui pekerjaan	/		
38	Penyakit Terminal (membawa maut)	/	/	/
39	Penyakit Sistik Medular	/	/	/
40	Sindrom Apallic (iaitu keadaan Vegetatif Berterusan)	/		
41	Poliomielitis	/		
42	Skleroderma Progresif	/		
43	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	/		
44	Elefantiasis (Penyakit Untut)	/		
45	Penyakit Creutzfeldt- Jakob (Penyakit Lembu Gila)	/		

22. Adakah individu boleh membuka akaun Simpan SSPN Plus jika telah sedia ada mempunyai penyakit kritikal?

Boleh terhad kepada pakej Intan, Delima, Topas, Zamrud dan Nilam sahaja serta tertakluk kepada tempoh menunggu yang ditetapkan oleh syarikat pengendali takaful yang dipilih.

23. Apakah tempoh menunggu bagi Simpan SSPN Plus?

Tempoh menunggu bagi Simpan SSPN Plus adalah mengikut jenis manfaat takaful dan syarikat pengendali takaful seperti berikut :

MANFAAT	TEMPOH MENUNGGU MENGIKUT SPT		
	HLMT	GETB	TIFB
Kematian Biasa	<ul style="list-style-type: none"> - Pakej Berlian: 3 bulan dari tarikh kuat kuasa - Pakej Lain: 12 bulan dari tarikh kuat kuasa untuk keadaan sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> -Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> - Selain Pakej Berlian 12 bulan untuk penyakit sedia ada - Perlindungan serta merta (selain untuk penyakit sedia ada) - Pakej Berlian 3 bulan
Kematian Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> -Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan Serta Merta
Keilatan Kekal Biasa	<ul style="list-style-type: none"> - 12 bulan dari tarikh kuat kuasa untuk keadaan sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> -12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada) 	<ul style="list-style-type: none"> - 6 bulan untuk penyakit sedia ada
Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> -Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> - Perlindungan Serta Merta
Keilatan Separa Kekal Biasa	<ul style="list-style-type: none"> - Biasa – 12 bulan dari tarikh kuat kuasa untuk keadaan sedia ada - Kemalangan – Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> -Pakej Berlian sahaja : 12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada) 	<ul style="list-style-type: none"> - Pakej Berlian perlindungan serta merta - Selain Pakej Berlian 12 bulan untuk penyakit sedia ada - Perlindungan serta merta (selain untuk penyakit sedia ada).
Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan		<ul style="list-style-type: none"> -Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada

MANFAAT	TEMPOH MENUNGGU MENGIKUT SPT		
	HLMT	GETB	TIFB
Penyakit Kritikal	<ul style="list-style-type: none"> - Kanser dan Penyakit Berkaitan - Jantung – 60 hari dari tarikh kuat kuasa - Penyakit Lain – 30 hari dari tarikh kuat kuasa - Keadaan Sedia Ada – 12 bulan dari tarikh kuat kuasa 	<ul style="list-style-type: none"> -30 hari dari tarikh kuat kuasa (untuk Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Kanser, Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama, Penyakit Koronari Arteri Lain yang Serius) -60 hari dari tarikh kuat kuasa (untuk penyakit kritis lain) 	<ul style="list-style-type: none"> - 30 hari dari tarikh kuat kuasa bulan untuk (penyakit khusus) - 60 hari dari tarikh kuat kuasa bulan untuk (penyakit khusus)
Elaun Kemasukan Hospital	<ul style="list-style-type: none"> - Kemalangan – Perlindungan Serta Merta - Penyakit Khusus – 120 hari dari tarikh kuat kuasa - Penyakit Lain – 30 hari dari tarikh kuat kuasa - Keadaan Sedia Ada – 12 bulan dari tarikh kuat kuasa 	<ul style="list-style-type: none"> -30 hari dari tarikh kuat kuasa (disebabkan oleh secara semula jadi) -120 hari dari tarikh kuat kuasa (penyakit khusus) -Perlindungan serta-merta (akibat kemalangan) 	<ul style="list-style-type: none"> - Kemalangan - Perlindungan serta-merta - Penyakit - 30 hari dari tarikh kuat kuasa - Penyakit Khusus - 120 hari dari tarikh kuat kuasa - 180 hari untuk setiap satu kemasukan hospital - 365 hari untuk sepanjang tempoh perlindungan
Khairat Kematian	<ul style="list-style-type: none"> - Keadaan Sedia Ada – 12 bulan dari tarikh kuat kuasa (hanya untuk Pendeposit) Anak dan pasangan tiada tempoh menunggu 	<ul style="list-style-type: none"> -Perlindungan Serta Merta 	<ul style="list-style-type: none"> - Keadaan Sedia Ada – 12 bulan dari tarikh kuat kuasa (hanya untuk Pendeposit) Anak dan pasangan tiada tempoh menunggu
Penyakit Terminal	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> -30 hari dari tarikh kuat kuasa 	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak berkaitan

24. Adakah elaun kemasukan hospital tertakluk dalam negara sahaja?

Tidak. Elaun kemasukan hospital tidak terhad dalam Malaysia sahaja. Elaun juga layak dituntut bagi kemasukan hospital di luar negara selagi kunjungan tersebut bukan atas tujuan perubatan. Walau bagaimanapun, kemasukan hospital di Singapura dibayar bagi tujuan perubatan.

25. Adakah perlindungan diberikan kepada anggota beruniform?

Ya, selagi anggota beruniform tidak terlibat secara langsung dalam tugas peperangan/ rusuhan, rusuhan awam sama ada diisythar atau tidak.

26. Jika pendeposit telah mempunyai akaun Simpan SSPN Plus untuk anak-anaknya, bolehkah pendeposit membuka akaun Simpan SSPN Plus untuk diri sendiri?

Boleh. Pendeposit boleh membuka akaun untuk diri sendiri tertakluk kepada syarat pembukaan akaun yang ditetapkan.

27. Bolehkah pendeposit yang membuka akaun untuk diri sendiri, membuka lebih daripada satu akaun dengan pakej yang sama atau berlainan?

Tidak boleh. Pendeposit yang membuka akaun untuk diri sendiri hanya boleh mempunyai satu akaun sahaja.

28. Adakah penerima manfaat boleh mempunyai lebih dari satu akaun sama ada pakej yang sama atau pakej yang berlainan?

Ya. Penerima manfaat boleh mempunyai lebih dari satu akaun dengan syarat akaun dibuka oleh pendeposit berbeza sama ada ibu atau bapa atau penjaga yang sah (ibu bapa tiri/ ibu bapa angkat).

29. Bagaimakah pembukaan akaun Simpan SSPN Plus bagi anak jagaan yang sah?

Pembukaan akaun bagi anak jagaan yang sah sama ada anak angkat atau anak tiri hanya boleh dibuka di kaunter PTPTN dengan membawa salinan dokumen berikut :

- Anak Angkat : Surat Akuan Berkanun Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Sijil Anak Angkat JPN
- Anak Tiri : Sijil/ Kad Nikah Ibu Bapa dan Sijil Kelahiran Anak

30. Adakah pendeposit boleh bertukar pakej akaun?

Tidak boleh. Pendeposit hendaklah menutup akaun sedia ada dan membuka akaun yang baharu dengan pakej yang hendak dipilih.

31. Adakah pendeposit akan dilindungi sekiranya terlibat dengan kemalangan yang menyebabkan keilatan / meninggal dunia jika akaun baharu dibuka dalam tempoh 24 jam?

Ya. Pendeposit akan dilindungi serta-merta bagi manfaat takaful disebabkan kemalangan.

32. Jika berlaku kematian pendeposit dan beliau mempunyai akaun Simpan SSPN Plus untuk 5 orang anaknya, adakah waris akan menerima manfaat kematian bagi kelima-lima akaun atau bayaran manfaat hanya dibuat ke atas salah satu akaun anak yang dibuka pendeposit?

Manfaat kematian akan dibayar bagi kelima-lima akaun yang dibuka oleh pendeposit.

Contoh:

Bagi kematian biasa, sekiranya kelima-lima akaun tersebut adalah akaun Delima di bawah syarikat pengendali takaful HLMT, jumlah keseluruhan manfaat kematian yang dibayar adalah sebanyak RM150,000 (RM30,000 x 5 akaun). Manfaat tersebut akan dimasukkan semula ke dalam akaun masing-masing dan bayaran kepada waris akan dibuat mengikut proses penutupan

33. Siapakah yang boleh membuat tuntutan bagi kematian pendeposit?

Waris atau Penama (yang didaftar di PTPTN) boleh membuat tuntutan.

34. Apakah syarat tuntutan khairat kematian bagi pasangan atau anak?

Pasangan hendaklah memenuhi syarat berikut:

- a) Hubungan adalah sah dan diiktiraf dari segi undang-undang;
- b) Berumur 18 tahun sehingga sebelum mencapai had umur perlindungan 70 tahun (mengikut syarikat pengendali takaful yang dipilih);
- c) Bagi tuntutan atas isteri (jika mempunyai lebih dari seorang isteri yang sah), khairat diberikan ke atas isteri yang mana meninggal dahulu.

Anak hendaklah memenuhi syarat berikut:

- b) Sehingga 5 orang anak (tertakluk kepada syarikat takaful yang dipilih)
- c) Hubungan sama ada anak kandung/ anak tiri /anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

35. Bagaimanakah kaedah pemulangan simpanan dan bayaran manfaat takaful dilakukan bagi kes kematian pendeposit?

Bagi kes kematian pendeposit, kaedah pemulangan simpanan dan pembayaran manfaat takaful oleh syarikat pengendali takaful adalah seperti berikut:

- i. Bagi jumlah simpanan atau manfaat yang kurang daripada RM3,000 - waris hendaklah mengisi dan menandatangani Bon Tanggung Rugi serta dokumen yang berkaitan yang mengikat dari segi undang-undang; atau
- ii. Bagi jumlah simpanan atau manfaat takaful RM3,000 dan ke atas - Pengeluaran wang deposit dari akaun si mati bagi baki semasa simpanan berjumlah RM3,000 dan ke atas (termasuk manfaat takaful dan dividen) dengan mengemukakan dokumen asal atau salinan:
 - Geran Surat Kuasa Mentadbir/ Geran Probet (Petisyen di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya; atau

- Surat Kuasa Mentadbir yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah; atau
- Surat Kuasa Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad, Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akuan/ Arahan).

36. Berapa lamakah tempoh yang akan diambil untuk mendapat manfaat takaful yang dituntut?

Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap dan diserahkan kepada syarikat pengendali takaful.

37. Adakah penyakit mental dilindungi takaful?

Tidak.

38. Adakah kematian disebabkan bunuh diri dilindungi takaful?

Tidak.

39. Adakah kematian disebabkan pengambilan dadah atau alkohol atau bahan-bahan terlarang yang berlebihan dilindungi takaful?

Tidak.

Sebarang maklumat lanjut akan dikemaskini dari semasa ke semasa

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

- i. Pusat Panggilan (*Careline*) di talian 03-2193 3000
- ii. *Live chat* di Portal PTPTN (www.ptptn.gov.my)
- iii. Pautan eaduan.ptptn.gov.my